



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

‘WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG’ TEMA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 14 FEBRUARI – “Wanita Dijulang Negara Gemilang” telah dipilih sebagai tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024. Tema ini memberikan penekanan betapa pentingnya mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini.

Majlis pelancaran tema dan logo Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini. YB Dato’ Seri Hajah Nancy dalam taklimat kepada media berkata tema ini meluaskan anggapan masyarakat terhadap kesaksamaan gender. Kesaksamaan bukanlah bermaksud lelaki dan perempuan bersaing atau mempunyai hak dan keperluan sama rata semata-mata, tetapi ianya adalah nilai menghormati dan membantu satu sama lain. Peranan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara tidak dapat disangkal lagi. Potensi tinggi dan kehebatan wanita dalam pelbagai bidang yang menjadi sumber inspirasi kepada setiap lapisan masyarakat harus diakui dan dihargai.

Tema pada tahun ini juga mengangkat peranan dan sumbangan wanita yang merupakan tonggak utama dalam pembangunan sosial masyarakat. Wanita memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek seperti menjadi ibu, ketua keluarga, ketua masyarakat, penggerak komuniti profesional dan pemimpin global. Sumbangan besar wanita dalam pelbagai sektor telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dikenali di dunia, bak kata pepatah Melayu “**tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia**”.

Antara objektif Sambutan Hari Wanita Antarabangsa ialah menyediakan platform bagi mengiktiraf dan menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan negara; mendaya upaya peranan semua pihak dalam usaha memperkasa wanita; menyebarkan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat umum berkaitan peluang penyertaan dalam pelbagai bidang, isu sejagat dan cabaran semasa khususnya berkaitan wanita; dan mempamerkan komitmen Kerajaan dalam mengurusperdana kepentingan gender.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merancang pelbagai program bermula 5 Februari 2024 sehingga 9 Mac 2024 bagi menyemarakkan sambutan Hari Wanita Antarabangsa kali ini. Antara pengisian program ialah Sambutan Hari Wanita di peringkat negeri yang diadakan di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri bermula 5 Februari 2024 hingga 7 Mac 2024. KPWKM turut menyokong program Sambutan Hari Wanita oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Syarikat Swasta. Kemuncak Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 ialah majlis perasmian yang akan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 8 Mac 2024 di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC).

KPWKM menyeru semua pihak dan pelbagai lapisan masyarakat untuk turut sama-sama meraikan wanita pada 8 Mac ini dengan melaksanakan pelbagai program dan acara menarik demi meraikan seterusnya menghargai kaum wanita yang merupakan pemangkin kepada kecemerlangan negara, selaras dengan aspirasi masyarakat Malaysia MADANI.

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
14 FEBRUARI 2024**

LOGO DAN TEMA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2024



MAKSUD LOGO

- **Wanita Dijulang Negara Gemilang** adalah perlambangan insan istimewa iaitu Wanita yang perlu dihormati dan disanjung atas jasa dan sumbangan yang telah dilakukan
- **Warna**
 - i. Biru yang membentuk tulisan tema melambangkan sifat kasih dan cinta wanita kepada diri, keluarga dan negara. Biru juga lambang kesetiaan wanita kepada negara, sentiasa bersama dalam mengharungi pelbagai rintangan demi mengukuhkan perpaduan
 - ii. Merah yang membentuk gambaran hati (cinta) melambangkan sifat keberanian wanita dalam menghadapi apa jua rintangan.